PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
26 JAN 2011
PUSAT SUMBER

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 54
No. 26

**31hb Disember 2010**

*TAMBAHAN No. 140*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 439.**

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2) 1984

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PEMERLUASAN DAN UBAH SUAIAN AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2010**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

**Pemerluasan dan ubah suaian Akta ke Wilayah Persekutuan Labuan**

2. (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], yang disebut "Akta yang diperluas" dalam Perintah ini, diperluas ke Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Akta yang diperluas diubah suai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

| (1) | (2) *Provisions of the Housing Development (Tribunal For Homebuyer Claims) Regulations 2002* | (3) *Modifications* |
|---|---|---|
| Housing Development (Tribunal For Homebuyer Claims) Regulations 2002 [*P.U. (A) 476/2002*] | Second Schedule ... | Forms 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 and 12<br><br>Substitute for the words "IN THE STATE OF..............MALAYSIA" the words "FEDERAL TERRITORY OF LABUAN". |

Made 17 December 2010
[KWP(S): 24/PUU/694/1/2/9; PN(PU$^2$)415/XIII]

By Command

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
*Secretary to the Cabinet*

**P.U. (A) 442.**

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2) 1984

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PEMERLUASAN DAN UBAH SUAIAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

**Pemerluasan dan ubah suaian Akta ke Wilayah Persekutuan Labuan**

2. (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], yang disebut "Akta yang diperluas" dalam Perintah ini, diperluas ke Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Akta yang diperluas diubah suai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**Pemansuhan, peralihan dan kecualian**

3. (1) Ordinan Perancangan Bandar dan Desa 1950 [*Sabah Bab 141*] dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Ordinan itu sebagaimana yang telah diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Perancangan Bandar dan Desa) 1985 [*P.U. (A) 353/1985*], dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing dimansuhkan dan dibatalkan.

(2) Apa-apa kelulusan atau kebenaran yang diberikan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga kelulusan atau kebenaran itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu, yang hanya bagi maksud itu Ordinan yang dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

(3) Apa-apa surat cara yang dilaksanakan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa dan yang menyentuh apa-apa urusan yang dibenarkan di bawah Ordinan yang dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

(4) Mana-mana prosiding yang belum selesai atau yang telah dimulakan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

JADUAL

[Subperenggan 2(2)]

| (1)<br>*Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976* | (2)<br>*Ubah suaian* |
|---|---|
| Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata kemudian daripada ini) | ... Sebutan mengenai "Jawatankuasa" atau "Jawatankuasa Perancang Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | ... Kecuali dalam perenggan 2A(1)*(g)*, sebutan mengenai "Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri" dan "Menteri Besar atau Ketua Menteri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | ... Kecuali dalam seksyen 2, perenggan 2A(1)*(g)*, 2A(2)*(b)*, seksyen 6A, subseksyen 6B(5), 7(4) dan 25(10), dalam teks bahasa kebangsaan, sebutan mengenai "Negeri" dan "suatu negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Labuan". |

| (1) *Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976* | | (2) *Ubah suaian* |
|---|---|---|
| | ... | Kecuali dalam seksyen 2, subseksyen 4(8), perenggan 6A(3)*(c)* dan baris kedua subseksyen 7(4), sebutan mengenai "Pengarah Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Perbadanan Labuan". |
| | ... | Kecuali dalam perenggan 2B(1)*(c)*, subseksyen 6A(1), perenggan 6A(3)*(c)*, subseksyen 6B(3) dan perenggan 8(3)*(a)*, sebutan mengenai "Pihak Berkuasa Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | ... | Kecuali dalam subseksyen 1(3), 5(1) dan perenggan 6A(3)*(d)*, sebutan mengenai "Pihak berkuasa perancang tempatan", "suatu pihak berkuasa perancang tempatan", "mana-mana pihak berkuasa perancang tempatan", "pihak berkuasa perancang tempatan" dan "pihak berkuasa tempatan" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Perbadanan Labuan". |
| | ... | Sebutan mengenai "Semenanjung Malaysia" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | ... | Kecuali dalam perenggan 2A(1)*(g)*, 2A(2)*(b)*, seksyen 6A, subseksyen 6B(5) dan 7(4), dalam teks bahasa Inggeris, sebutan mengenai "State", "a State" dan "the States" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | ... | Sebutan mengenai "*Warta* Negeri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "*Warta* Persekutuan". |
| Seksyen 2 | ... | (1) Gantikan takrif "Jawatankuasa" dengan takrif yang berikut:<br><br>' "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1);'.<br><br>(2) Masukkan selepas takrif "keselesaan" takrif yang berikut:<br><br>' "Ketua Pegawai Eksekutif" ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 10(1) Akta Perbadanan Labuan 2001 [*Akta* 609] dan termasuklah mana-mana pegawai yang diarahkan untuk melaksanakan tugas Ketua Pegawai Eksekutif di bawah susbseksyen 10(6) Akta Perbadanan Labuan 2001;'.<br><br>(3) Masukkan selepas takrif "pemunya" takrif yang berikut:<br><br>' "Pengerusi" ertinya Pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta Perbadanan Labuan 2001 [*Akta 609*];'. |

| (1) *Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976* | (2) *Ubah suaian* |
|---|---|
| Seksyen 2B | ... Dalam perenggan 2B(1)*(e)*, gantikan perkataan "setiap Pihak Berkuasa Negeri" dengan perkataan "Perbadanan Labuan". |
| Seksyen 3 | ... Potong perkataan "tiap-tiap pihak berkuasa tempatan di dalam". |
| Seksyen 4 | ... (1) Gantikan nota bahu dan subseksyen (1) dengan nota bahu dan subseksyen yang berikut: |

**"Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan dan fungsinya**

4. (1) Suatu Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah ditubuhkan bagi Wilayah Persekutuan Labuan yang terdiri daripada—

*(a)* seorang Pengerusi, iaitu Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan;

*(b)* seorang Timbalan Pengerusi, iaitu Ketua Setiausaha bagi Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan;

*(c)* Pengerusi Perbadanan Labuan;

*(d)* Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan yang bertanggungjawab bagi hal ehwal perancangan dan pembangunan;

*(e)* seorang anggota Perbadanan Labuan;

*(f)* Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan;

*(g)* Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Perbadanan Labuan yang hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa;

*(h)* Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa atau wakilnya;

*(i)* Ketua Pengarah Tanah dan Galian atau wakilnya;

*(j)* Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi atau wakilnya;

*(k)* Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakilnya;

| (1) *Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976* | (2) *Ubah suaian* |
|---|---|
| | (*l*) Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar atau wakilnya; |
| | (*m*) Penasihat Undang-Undang Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan; |
| | (*n*) Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Perbadanan Labuan; dan |
| | (*o*) tidak lebih daripada empat orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan.". |
| | (2) Dalam subseksyen (2), gantikan perkataan "(1)(*b*) atau (*i*)" dengan perkataan "(1)(*o*)". |
| | (3) Dalam perenggan 4(*b*), gantikan perkataan "Kerajaan Negeri" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Kerajaan Persekutuan". |
| | (4) Dalam subseksyen (8)— |
| | (*a*) gantikan perkataan "Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri" dengan perkataan "Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa"; dan |
| | (*b*) potong perkataan "dan, sebagai Setiausaha Jawatankuasa, hendaklah bertanggungjawab untuk menjalankan keputusan dan melaksanakan dasar Jawatankuasa;". |
| Seksyen 5 | ... (1) Dalam subseksyen (1)— |
| | (*a*) gantikan perkataan "Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan" dengan perkataan "Perbadanan Labuan"; dan |
| | (*b*) gantikan perkataan "kawasan pihak berkuasa tempatan" dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | (2) Potong subseksyen (2). |
| Seksyen 6A | ... Dalam perenggan (3)(*d*), gantikan perkataan "Yang Dipertua" dengan perkataan "Pengerusi atau yang dipertua". |
| Seksyen 7 | ... (1) Dalam subseksyen (1), gantikan perkataan "dia" dengan perkataan "ia". |

| (1) *Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976* | (2) *Ubah suaian* |
|---|---|
| | (2) Dalam subseksyen (2)—<br>*(a)* dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan "his duty" dengan perkataan "its duty"; dan<br>*(b)* gantikan perkataan "dia boleh, jika difikirkannya patut" dengan perkataan "ia boleh, jika difikirkannya patut". |
| | (3) Dalam subseksyen (4), dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan "his" dengan perkataan "its". |
| | (4) Dalam subseksyen (5), dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan "him" dengan perkataan "it". |
| Seksyen 8 ... | (1) Dalam subseksyen (1), dalam teks bahasa Inggeris—<br>*(a)* gantikan perkataan "his survey" dengan perkataan "its survey"; dan<br>*(b)* gantikan perkataan "its approval" dengan perkataan "his approval". |
| | (2) Dalam perenggan (3)*(a)*, gantikan perkataan "Pihak Berkuasa Negeri" dengan perkataan "Perbadanan Labuan". |
| | (3) Dalam subseksyen (4), dalam teks bahasa Inggeris—<br>*(a)* gantikan perkataan "his survey" dengan perkataan "its survey"; dan<br>*(b)* gantikan perkataan "he may" dengan perkataan "it may". |
| | (4) Dalam perenggan (4)*(c)*, gantikan perkataan "dia" dengan perkataan "ia". |
| Seksyen 9 ... | (1) Dalam subseksyen (1), dalam teks bahasa Inggeris—<br>*(a)* gantikan perkataan "his opinion" dengan perkataan "its opinion"; dan<br>*(b)* gantikan perkataan "to him" dengan perkataan "to it". |
| | (2) Dalam perenggan (1)*(a)*, dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan "he proposes" dengan perkataan "it proposes". |
| | (3) Dalam perenggan (2)*(a)*, dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan "he" dengan perkataan "it". |

| (1) *Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976* | | (2) *Ubah suaian* |
|---|---|---|
| | | (4) Dalam subseksyen (5), dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan "direct him" dengan perkataan "direct it". |
| | | (5) Dalam subseksyen (7), gantikan perkataan "dia hendaklah" dengan perkataan "ia hendaklah". |
| Seksyen 11A | ... | Dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan "his" dengan perkataan "its". |
| Seksyen 12 | ... | Dalam subseksyen (6), gantikan perkataan "sebahagian daripada kawasan pihak berkuasa perancang tempatan itu" dengan perkataan "suatu kawasan". |
| Seksyen 16A | ... | Potong seksyen ini. |
| Seksyen 16B | ... | (1) Dalam subseksyen (1)—<br>*(a)* potong perkataan "Pengarah Negeri atau"; dan<br>*(b)* dalam teks bahasa Inggeris, potong perkataan "his or". |
| | | (2) Potong subseksyen (2). |
| | | (3) Dalam subseksyen (3), gantikan perkataan "Bagi maksud subseksyen (2), rancangan" dengan perkataan "Rancangan". |
| Seksyen 25 | ... | Dalam subseksyen (10), gantikan perkataan "Enakmen-Enakmen Lembaga Bandaran bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu [*N.M.B. Bab 137*], Negeri Johor [*En. Johor No. 118*] dan Negeri Terengganu [*En. Terengganu 12 tahun 1355 H.*], Ordinan Perbandaran bagi Negeri-Negeri Selat [*N.S. Bab 133*], Enakmen Perbandaran bagi Negeri Kelantan [*En. Kelantan 20 tahun 1938*], Ordinan Majlis-Majlis Tempatan 1952 [*Ord. 36 tahun 1952*]," dengan perkataan "Ordinan Perancangan Bandar dan Desa 1950 [*Sabah Bab 141*] dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Ordinan itu sebagaimana yang telah diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Perancangan Bandar dan Desa) 1985 [*P.U. (A) 353/1985*]". |
| Seksyen 34 | ... | Dalam subseksyen (4), gantikan perkataan "pihak berkuasa tempatan yang berkenaan" dengan perkataan "Perbadanan Labuan". |
| Seksyen 36 | ... | Dalam subseksyen (16), gantikan perkataan "wang Negeri" dengan perkataan "wang Persekutuan". |
| Seksyen 41 | ... | Dalam susbseksyen (1), potong perkataan "kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 44 dan kepada". |
| Seksyen 44 | ... | Potong perenggan *(b)*. |
| Seksyen 47 | ... | Dalam subseksyen (1), gantikan perkataan "pengerusi atau yang dipertua" dengan perkataan "Pengerusi atau Ketua Pegawai Eksekutif". |

| (1) Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 | | (2) Ubah suaian |
|---|---|---|
| Seksyen 48 | ... | Dalam subseksyen (2), gantikan perkataan "pengerusi atau yang dipertua" dengan perkataan "Pengerusi atau Ketua Pegawai Eksekutif". |
| Seksyen 59 | ... | Potong seksyen ini. |

Dibuat 17 Disember 2010
[KWP(S):24/PUU/694/1/2/8; PN(PU$^2$)415/XIII]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
*Setiausaha Jemaah Menteri*

CONSTITUTION (AMENDMENT) (NO. 2) ACT 1984

FEDERAL TERRITORY OF LABUAN (EXTENSION AND MODIFICATION OF TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1984 [*Act A585*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

### Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of Town and Country Planning Act 1976) Order 2010**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2011.

### Extension and modification of the Act to the Federal Territory of Labuan

2. (1) The Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], which is referred to as the "extended Act" in this Order, is extended to the Federal Territory of Labuan.

(2) In its application to the Federal Territory of Labuan, the extended Act is modified as set out in the Schedule.

### Repeal, transitional and savings

3. (1) The Town and Country Planning Ordinance 1950 [*Sabah Cap. 141*] and all subsidiary legislation made under the Ordinance as modified by the Federal Territory of Labuan (Modification of Town and Country Planning Ordinance) Order 1985 [*P.U. (A) 353/1985*], in its application to the Federal Territory of Labuan, are repealed and revoked respectively.

(2) Any approval or permission granted under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order shall continue in full force until the approval or permission expires or is revoked under the repealed Ordinance, for which purpose only the repealed Ordinance shall continue to be in full force and effect.

(3) Any instrument executed under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order and affecting any dealing permitted under the repealed Ordinance shall continue in full force and effect under the repealed Ordinance as if this Order has not been made.

(4) Any proceeding pending or commenced under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order shall be continued and concluded under the repealed Ordinance as if this Order has not been made.

SCHEDULE

[Subparagraph 2(2)]

| (1) *Provisions of the Town and Country Planning Act 1976* | | (2) *Modifications* |
|---|---|---|
| The whole (except where it is expressly otherwise provided hereinafter) | ... | References to "Committee" or "State Planning Committee" shall be construed as references to "Federal Territory of Labuan Planning Executive Committee". |
| | ... | Except in paragraph 2A(1)*(g)*, references to "Menteri Besar or Chief Minister of the State" and "Menteri Besar or Chief Minister" shall be construed as references to "Minister charged with the responsibility for the Federal Territory of Labuan". |
| | ... | Except in section 2, paragraphs 2A(1)*(g)*, 2A(2)*(b)*, section 6A, subsections 6B(5), 7(4) and 25(10), in the national language text, references to "Negeri" and "suatu negeri" shall be construed as references to "Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | ... | Except in section 2, subsection 4(8), paragraph 6A(3)*(c)* and the second line of subsection 7(4), references to "the State Director" shall be construed as references to "Perbadanan Labuan". |
| | ... | Except in paragraph 2B(1)*(e)*, subsection 6A(1), paragraph 6A(3)*(c)*, subsection 6B(3) and paragraph 8(3)*(a)*, references to "the State Authority" and "the State Authorities" shall be construed as references to "the Minister charged with the responsibility for the Federal Territory of Labuan". |
| | ... | Except in subsections 1(3), 5(1) and paragraph 6A(3)*(d)*, references to "local planning authority", "A local planning authority", "a local planning authority", "any local planning authority", "the local planning authority" and "local authority" shall be construed as references to "Perbadanan Labuan". |

| (1) *Provisions of the Town and Country Planning Act 1976* | (2) *Modifications* |
|---|---|
| | ... References to "Peninsular Malaysia" shall be construed as references to "Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan". |
| | ... Except in paragraphs 2A(1)*(g)*, 2A(2)*(b)*, section 6A, subsections 6B(5) and 7(4), in the English language text, references to "State", "a State" and "the States" shall be construed as references to "the Federal Territory of Labuan". |
| | ... References to "State *Gazette*" shall be construed as references to "Federal *Gazette*". |
| Section 2 | ... (1) Substitute for the definition of "Committee" the following definition: ' "Committee" means the Federal Territory of Labuan Planning Executive Committee established under subsection 4(1);'. (2) Insert after the definition of "Chairman" the following definition: ' "Chief Executive Officer" means the Chief Executive Officer appointed under subsection 10(1) of the Perbadanan Labuan Act 2001 and includes any officer directed to perform the duties of the Chief Executive Officer under subsection 10(6) of the Perbadanan Labuan Act 2001;'. (3) Insert after the definition of "building operation" the following definition: ' "Chairman" means the Chairman appointed under section 5 of the Perbadanan Labuan Act 2001 [*Act 609*];'. |
| Section 2B | ... In paragraph 2B(1)*(e)*, substitute for the words "each of the State Authorities" the words "Perbadanan Labuan". |
| Section 3 | ... Delete the words "every local authority in". |
| Section 4 | ... (1) Substitute for the shoulder note and subsection (1) the following shoulder note and subsection: **"Federal Territory of Labuan Planning Executive Committee and its functions** 4. (1) There shall be established for the Federal Territory of Labuan a Federal Territory of Labuan Planning Executive Committee consisting of— *(a)* a Chairman, being the Minister charged with the responsibility for the Federal Territory of Labuan; *(b)* a Deputy Chairman, being the Secretary General of the Ministry charged with the responsibility for the Federal Territory of Labuan; |

| (1) *Provisions of the Town and Country Planning Act 1976* | (2) *Modifications* |
|---|---|
| | *(c)* the Chairman of Perbadanan Labuan;<br>*(d)* the Deputy Secretary General of the Ministry charged with the responsibility for the Federal Territory of Labuan who is responsible for planning and development affairs;<br>*(e)* a member of Perbadanan Labuan;<br>*(f)* the Chief Executive Officer of Perbadanan Labuan;<br>*(g)* the Director of Planning and Coordination Division of Perbadanan Labuan who shall be the Secretary of the Committee;<br>*(h)* the Director General of Town and Country Planning or his representative;<br>*(i)* the Director General of Lands and Mines or his representative;<br>*(j)* the Director General of Economic Planning Unit or his representative;<br>*(k)* the Director General of Public Works Department or his representative;<br>*(l)* the Director General of Environment Department or his representative;<br>*(m)* the Legal Advisor of the Ministry charged with the responsibility for the Federal Territory of Labuan;<br>*(n)* the Deputy Chief Executive Officer (Development) of Perbadanan Labuan; and<br>*(o)* not more than four other members to be appointed by the Minister charged with the responsibility for the Federal Territory of Labuan.". |
| | (2) In subsection (2), substitute for the words "(1)*(b)* or *(i)*" the words "(1)*(o)*". |
| | (3) In paragraph (4)*(b)*, substitute for the words "State Government" wherever they appear the words "Federal Government". |

| (1)<br>*Provisions of the Town and Country Planning Act 1976* | (2)<br>*Modifications* |
|---|---|
| | (4) In subsection (8)—<br>(*a*) substitute for the words "State Director of Town and Country Planning" the words "Director General of Town and Country Planning"; and<br>(*b*) delete the words "and, as Secretary of the Committee, shall be responsible for carrying out the decisions and implementing the policies of the Committee;". |
| Section 5 ... | (1) In subsection (1)—<br>(*a*) substitute for the words "Every local authority" the words "Perbadanan Labuan"; and<br>(*b*) substitute for the words "area of the local authority" the words "Federal Territory of Labuan".<br>(2) Delete subsection (2). |
| Section 6A ... | In paragraph (3)*(d)*, substitute for the word "President" the words "Chairman or president". |
| Section 7 ... | (1) In subsection (1), substitute for the word "he" the word "it".<br>(2) In subsection (2)—<br>(*a*) in the English language text, substitute for the words "his duty" the words "its duty"; and<br>(*b*) substitute for the words "he may, if he thinks fit" the words "it may, if it thinks fit".<br>(3) In subsection (4), in the English language text, substitute for the word "his" the word "its".<br>(4) In subsection (5), in the English language text, substitute for the word "him" the word "it". |
| Section 8 ... | (1) In subsection (1), in the English language text—<br>(*a*) substitute for the words "his survey" the words "its survey"; and<br>(*b*) substitute for the words "its approval" the words "his approval".<br>(2) In paragraph (3)*(a)*, substitute for the words "State Authority" the words "Perbadanan Labuan".<br>(3) In subsection (4), in the English language text—<br>(*a*) substitute for the words "his survey" the words "its survey"; and<br>(*b*) substitute for the words "he may" the words "it may". |

| (1)<br>*Provisions of the Town and Country Planning Act 1976* | | (2)<br>*Modifications* |
|---|---|---|
| | | (4) In paragraph (4)*(c)*, substitute for the word "him" the word "it". |
| Section 9 | ... | (1) In subsection (1), in the English language text—<br>*(a)* substitute for the words "his opinion" the words "its opinion"; and<br>*(b)* substitute for the words "to him" the words "to it".<br>(2) In paragraph (1)*(a)*, in the English language text, substitute for the words "he proposes" the words "it proposes".<br>(3) In paragraph (2)*(a)*, in the English language text, substitute for the word "he" the word "it".<br>(4) In subsection (5), in the English language text, substitute for the words "direct him" the words "direct it".<br>(5) In subsection (7), substitute for the words "he shall" the words "it shall". |
| Section 11A | ... | In the English language text, substitute for the word "his" the word "its". |
| Section 12 | ... | In subsection (6), substitute for the words "the area of the local planning authority" the words "an area". |
| Section 16A | ... | Delete this section. |
| Section 16B | ... | (1) In subsection (1)—<br>*(a)* delete the words "a State Director or"; and<br>*(b)* in the English language text, delete the words "his or".<br>(2) Delete subsection (2).<br>(3) In subsection (3), substitute for the words "For the purposes of subsection (2), the" the word "The". |
| Section 25 | ... | In subsection (10), substitute for the words "the Town Boards Enactments of the Federated Malay States [*F.M.S. Cap. 137*] and of the States of Johore [*Johore En. No. 118*] and Terengganu [*Terengganu En. 12 of 1355 A.H.*], the Municipal Ordinance of the Straits Settlements [*S.S. Cap. 133*], the Municipal Enactment of the State of Kelantan [*Kelantan En. 20 of 1938*], the Local Councils Ordinance 1952 [*Ord. 36 of 1952*]," the words "the Town and Country Planning Ordinance 1950 [*Sabah Cap. 141*] and all subsidiary legislation made under the Ordinance as modified by the Federal Territory of Labuan (Modification of Town and Country Planning Ordinance) Order 1985 [*P.U. (A) 353/1985*]". |

| (1) Provisions of the Town and Country Planning Act 1976 | | (2) Modifications |
|---|---|---|
| Section 34 | ... | In subsection (4), substitute for the words "appropriate local authority" the words "Perbadanan Labuan". |
| Section 36 | ... | In subsection (16), substitute for the words "State funds" the words "Federal funds". |
| Section 41 | ... | In subsection (1), delete the words "the rules made under section 44, and to". |
| Section 44 | ... | Delete paragraph *(b)*. |
| Section 47 | ... | In subsection (1), substitute for the words "chairman or president" the words "Chairman or Chief Executive Officer". |
| Section 48 | ... | In subsection (2), substitute for the words "chairman or president" the words "Chairman or Chief Executive Officer". |
| Section 59 | ... | Delete this section. |

Made 17 December 2010
[KWP(S):24/PUU/694/1/2/8; PN(PU$^2$)415/XIII]

By Command

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
*Secretary to the Cabinet*

Hakcipta Pencetak (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA